

# Ajinomoto sumbang RM20,000 kepada 23 buah rumah kebajikan

Oleh HARRITH HISHAM

**KUALA LUMPUR** – Ajinomoto (M) Bhd. (Ajinomoto) memperuntukkan sumbangan sebanyak RM20,000 bagi membantu rumah orang tua dan kanak-kanak yang terjejas ekoran pandemik Covid-19.

Ketua Pegawai Jualan dan Pemasaran Syarikat Ajinomoto, Noriko Saito berkata, sumbangan tersebut akan diberikan kepada Persatuan Kebajikan Rainbow Bridge Malaysia seterusnya di salurkan kepada 23 buah rumah kebajikan di Lembah Klang.

"Sumbangan berkenaan merupakan projek amal pertama untuk tahun ini di bawah Pengciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV).

"Kami memahami rumah-rumah tersebut telah melalui saat sukar ketika pandemik Covid-19 dan berbesar hati dapat memainkan peranan membantu," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian sumbangan di Rumah Titian Kaseh di sini semalam.

Menurut Saito, antara penerima bantuan tersebut adalah Rumah Kebajikan Wargamas



SAITO (dua dari kiri) dan Mervin (dua dari kanan) pada majlis penyerahan sumbangan di Rumah Titian Kaseh, Kuala Lumpur semalam.

Charis Shah Alam, Rumah Orang Tua AiYiDe, Persatuan Rumah Kebajikan Kanak-Kanak Light-house, Rumah Titian Kaseh, Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Akal Tercacat dan House of Joy.

Ajinomoto turut bekerjasama dengan Rainbow Bridge, sebuah badan bukan kerajaan kerana ia memiliki banyak saluran kepada rumah-rumah kebajikan yang memerlukan.

Sementara itu, Penggerusi Rainbow Bridge, Mervin Mohan Appana menjelaskan, sumbangan itu membantu melancarkan program sumbangan makanan kepada rumah kebajikan yang memerlukan.

"Kami berharap kerjasama ini dapat diteruskan untuk memastikan ketersediaan makanan dan khasiat yang mencukupi untuk penghuni rumah kebajikan tersebut," katanya.